



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

2 November 2020
16 Rabiulawal 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• Ikan kembung, sawi jadi makanan paling popular
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernamea	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		16		
							2/11/2020		



SAYUR sawi paling banyak dibeli berbanding sayuran lain oleh isi rumah di negara ini tahun lalu.



IKAN kembung paling popular bagi kategori ikan segar yang menjadi pilihan rakyat Malaysia.

KOSMO 16/11/20
2/11/2020

Ikan kembung, sawi jadi makanan paling popular

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA - Ikan kembung, sawi dan hidangan berasaskan mi adalah makanan popular yang dibeli oleh rakyat Malaysia sepanjang tahun lalu.

Berdasarkan Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, tiga jenis makanan itu mewakili tiga kategori utama dibeli rakyat Malaysia iaitu ikan segar, sayur-sayuran segar dan makanan di luar rumah.

Data itu diperolehi hasil tinjauan yang dilakukan terhadap lapan juta isi rumah di seluruh

negara pada tahun lalu.

Bagi kategori ikan segar, ikan kembung paling popular dibeli diikuti cencaru, selayang, kerisi dan tongkol.

Manakala, bagi kategori sayur-sayuran segar pula, sawi paling banyak dibeli isi rumah diikuti bawang putih, bawang besar, tomat dan lobak merah.

Selain itu, makanan berasaskan mi atau pasta paling banyak dibeli rakyat Malaysia bagi kategori makanan di luar rumah diikuti teh, nasi lemak, nasi campur (nasi kerabu, nasi paprik dan nasi dagang) dan nasi ayam serta nasi itik.

Menerusi tinjauan sama, perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata meningkat pada kadar pertumbuhan 3.9 peratus seiring dengan peningkatan pendapatan isi rumah yang tumbuh pada kadar 4.2 peratus pada tahun lalu.

Bagi peringkat negeri, Putrajaya merekodkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata tertinggi iaitu RM7,980 diikuti Kuala Lumpur (RM6,913), Selangor (RM5,830), Melaka (RM4,955), Johor (RM4,793) dan Pulau Pinang (RM4,630).

Laporan itu menyebut, kos sara hidup secara relatif berbeza

antara negeri disebabkan wujud perbezaan harga barangan, tingkat pendapatan isi rumah dan kemampuan isi rumah untuk menampung kenaikan harga barang.

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata tumbuh pada kadar 3.9 peratus setahun selari dengan pertumbuhan sederhana pendapatan isi rumah bulanan purata 4.2 peratus bagi tempoh 2016 hingga 2019.

Manakala, dari segi nilai pula, perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata meningkat daripada RM4,033 pada 2016 kepada RM4,534 pada 2019.